

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(V)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

3. Susulan daripada pembatalan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 pada 18 Mac 2020, apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap kempen Experience Penang Year 2020?
 - (a) Apakah hala tuju atau perancangan lanjut terhadap pembangunan pelancongan negeri susulan daripada wabak COVID-19?
 - (b) Apakah insentif atau kaedah pembangunan pelancongan yang akan dipertimbangkan?

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Kempen *Experience Penang Year 2020* (EPY2020) melalui *tagline* *The Diversity of Asia* telah menjadi sinonim kepada kepelbagaian Pulau Pinang yang ditampilkan melalui seni, budaya dan warisan. Kempen EPY2020 telah menjadi jenama pelancongan Pulau Pinang sehingga ke persada antarabangsa dan juga sebagai mekanisme yang menyatukan penduduk setempat dalam sektor pelancongan.

Oleh itu, buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk membatalkan kempen EPY dan sebaliknya akan mengekalkan jenama “Experience Penang Year” (EPY) serta mengambil langkah-langkah sewajarnya berdasarkan situasi semasa wabak COVID-19.

Ini adalah kerana Kempen EPY telah menjadi jenama pelancongan Pulau Pinang yang terkenal di persada antarabangsa dan juga sebagai mekanisme yang menyatukan penduduk setempat dalam

sektor pelancongan. Dalam usaha memulihkan keyakinan pelawat selepas COVID-19, kempen EPY juga mempunyai peranan untuk menjadi satu halatuju kepada industri pelancongan yang amat memerlukan inisiatif sedemikian untuk menarik minat pelancong ke negeri Pulau Pinang semula.

- (a) Hala tuju atau perancangan selanjut terhadap pembangunan pelancongan negeri susulan daripada wabak COVID-19 adalah berdasarkan kepada Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan (Tourism Recovery Action Plan) seperti berikut:
- (i) Menangguhkan kempen promosi, pemasaran dan program-program pelancongan dalam jangka masa pendek sehingga situasi wabak COVID-19 dapat dikawal.
 - (ii) Bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan seperti agensi kerajaan, hotel penginapan, agen pelancongan, pengusaha tempat tarikan pelancong dan syarikat penerbangan bagi membincang dan menghasilkan rancangan yang komprehensif di bawah Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan.
 - (iii) Memberi tumpuan kepada pasaran pelancongan domestik dalam jangka masa pendek dan sederhana. Promosi seperti pameran dan pengiklanan akan dilaksanakan kepada pasaran domestik. Pejabat PETACH juga menyokong promosi bagi kempen "Penang Lang 50% Off" oleh Association of Tourism Attractions Penang (ATAP) dan akan terus dikaji untuk dipanjangkan kepada pelancong-pelancong domestik;
 - (iv) Menghasilkan video promosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang selamat.
 - (v) Bagi jangka masa panjang, kempen promosi dan pemasaran akan diteruskan bagi memulihkan pasaran pelancongan domestik dan antarabangsa.
- (b) Kerajaan Negeri sentiasa membantu sektor pelancongan melalui promosi dan pemasaran destinasi pelancongan di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan insentif dari segi pemberian tunai, insentif penerbangan terus

dan lain-lain insentif bagi pengusaha pelancongan tempatan yang berupaya membangunkan sektor pelancongan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memberikan insentif kepada golongan yang terkesan seperti bantuan kepada peniaga, penjaja, pemandu pelancong, pemandu e-hailing, pemandu tekси, penarik beca, pengusaha premis perniagaan dan usahawan.

Kerajaan Negeri dalam rancangan untuk memberi bantuan kepada pemandu bas persiaran, van persiaran dan limosin yang berdaftar di Pulau Pinang.